



SURAT KELILNG JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2003
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita mengucapkan selamat tahun baru masehi 2003 kepada semua anggota perkhidmatan awam di seluruh Negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di seberang laut.

Dengan tulus ikhlas, Jabatan Perdana Menteri sukacita merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas taat setia dan sokongan padu yang berterusan diberikan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga di atas sumbangan khidmat bakti, yang telah disumbangkan secara jujur, ikhlas, amanah dan penuh dedikasi oleh semua lapisan anggota perkhidmatan awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun 2002. Kerjasama dan sokongan ikhlas ini telah dapat menyumbang kepada pengekalan keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini disamping dapat merealisasikan matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang.

Di tahun 2003 semua anggota perkhidmatan awam perlu secara berterusan menumpukan perhatian kepada wawasan kita untuk memberikan perkhidmatan awam yang berkualiti dan menghasilkan produktibiti yang tinggi, berdaya saing, berwibawa dan proaktif, dan untuk menjadi pembekal perkhidmatan-perkhidmatan awam yang mesra pelanggan (customer friendly).

Dengan mengambil iktibar kepada kelemahan dan kekurangan yang ada pada tahun-tahun yang sudah secara penuh tanggungjawab kita sebagai anggota perkhidmatan awam perlu berazam untuk memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai dan sektor swasta di negara ini. Kita perlu meningkatkan mutu dan produktibiti kerja melalui perubahan sikap dan budaya kerja. Dalam waktu yang sama kita perlu untuk sentiasa patuh kepada disiplin dan etika kerja yang telah di gariskan di dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Sebagai anggota perkhidmatan awam kita perlu sentiasa mengambil berat keatas hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan peri mustahaknya pegawai dan kakitangan kerajaan untuk sentiasa meningkatkan prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Ini jelas akan keperihatinan dan harapan yang Baginda letakkan terhadap jentera pentadbiran negara yang bertanggungjawab menyusun, merancang dan melaksana strategi pembangunan negara serta ummah di dalamnya.

Sehubungan dengan ini, kita perlu mengambil perhatian keatas ekspektasi dan keluhan-keluhan orang ramai dan sektor swasta mengenai kelambatan-kelambatan, kurang profesionalisma, perlaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai yang kurang berkesan, perkhidmatan kaunter yang tidak memuaskan, pegawai dan kakitangan yang susah untuk di hubungi atau tidak ada di pejabat dan kurang penyalarsan di kalangan agensi-agensi di dalam perkhidmatan awam.

Membangunkan sumber tenaga yang ada dalam perkhidmatan awam perlu sentiasa di berikan perhatian oleh semua agensi-agensi kerajaan. Kerana ini adalah sangat penting kearah meningkatkan produktibiti dan kualiti didalam perkhidmatan awam. Dengan tersedianya Manual Prosedur Kerja yang hampir menyeluruh di kesemua kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan akan memudahkan program-program perkembangan dan pengurusan bagi meningkatkan kualiti dan produktibiti di laksanakan secara berkesan.



Sebagai usaha untuk memperbaiki lagi budaya kerja dan keupayaan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, insya-Allah mulai tahun 2003 latihan mengikut kadar jam yang tertentu setiap tahun kepada setiap pegawai dan kakitangan akan diperkenalkan. Langkah ini akan memastikan bahawa setiap pegawai dan kakitangan tidak terkecuali daripada mengikuti latihan dan adalah terlatih dan berkeupayaan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Usaha ini adalah juga selaras dengan usaha kerajaan kearah memperkenalkan konsep E-Government yang akan menjadi pemudahcara proses-proses perkhidmatan awam di negara ini bagi mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih efisien dan budaya kerja yang berkesan dan berdaya saing.

Disamping itu, latihan-latihan kepada pihak pengurusan atasan akan dilanjutkan kepada pengurusan pertengahan melalui program-program perkembangan yang bersesuaian. Latihan-latihan di peringkat pegawai dan kakitangan yang lain juga akan diteruskan. Adalah diharapkan kesemua ini akan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terpilih untuk mengikutinya dan seterusnya mempraktikkan apa yang dipelajari untuk perkhidmatan awam yang berjaya.

Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) merupakan satu kaedah yang sangat berguna bagi setiap agensi Kerajaan untuk memantau dan memperbaiki mutu dan prosis pemberian perkhidmatan. Ke arah ini, tugas dan tanggungjawab KKC ini perlu dipertingkatkan lagi di setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan dimana semua pegawai dan kakitangan berkenaan adalah diseru untuk memainkan peranan yang lebih aktif di dalam memajukan dan seterusnya membudayakan lagi projek-projek KKC ini.

Dalam masa yang sama, kita juga harus mempertingkatkan amalan berjimat cermat di dalam mengatur perbelanjaan Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran. Peraturan-peraturan kewangan hendaklah dipatuhi bagi memastikan bahawa semua perbelanjaan adalah teratur. Ini bukan saja bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran tetapi yang lebih penting ianya membolehkan bagi Kerajaan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan secara berkesan dan berbaloi ataupun "value for money".

Akhirnya, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan semoga sepanjang tahun 2003 ini akan menyaksikan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam dengan kemajuan dan pembaharuan yang akan merealisasikan hasrat kita untuk melihat perkhidmatan awam yang lebih berwibawa, cemerlang, produktif, inovatif dan bertanggungjawab dan semua anggota perkhidmatan awam akan beriltizam menyumbangkan khidmat bakti yang berakhlak dan beretika serta sentiasa mendapat petunjuk, hidayah serta rahmat Allah Subhanahu Wataala.

Sekian.

[DATO PADUKA HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: (01)JPM/SK/2003
Tarikh: 28 Syawal 1423
2 Januari 2003